

NO SOALAN :52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.07.2017

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesedaran serta peratusan penyertaan penduduk luar bandar dalam pelaburan saham di Malaysia serta langkah dalam menggalakkan penyertaan golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 2016, sejumlah 2.52 juta akaun Sistem Depositori Pusat (*Central Depository System Account, CDS*) telah dibuka di Malaysia, di mana sejumlah 1.86 juta

akaun CDS adalah kepunyaan individu. Berdasarkan data Pusat Depositori Malaysia (*Malaysian Central Depository*), akaun-akaun CDS yang aktif dibahagikan mengikut wilayah-wilayah seperti berikut :

- i) Wilayah Utara : 23 peratus
- ii) Wilayah Tengah : 47.6 peratus
- iii) Wilayah Selatan : 15.8 peratus
- iv) Wilayah Pantai Timur : 6 peratus
- v) Wilayah Malaysia Timur : 5.9 peratus

Komitmen Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) terhadap inisiatif pendidikan pelabur dalam pasaran modal telah bermula sejak tahun 1994. Pada tahun 2014, inisiatif pendidikan SC ini dilaksanakan di bawah jenama *InvestSmart*. Inisiatif ini disampaikan oleh SC sendiri atau dengan kerjasama rakan strategik merangkumi masyarakat di bandar dan di luar bandar melalui program-program seperti berikut :

- i) Interaksi khusus dengan masyarakat luar bandar melalui program seperti berikut :

- "SC dalam Masyarakat" ("*SC in the Community*"); yang mana pegawai SC akan turun padang sama ada melalui inisiatif sendiri atau bersama-sama dengan rakan strategik seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

(KPDNKK), dan program *Mobile CTC* di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan, meliputi masyarakat di Pontian, Batu Pahat, Jeli, Gerik, Hulu Terengganu, Dabong, Miri, penempatan-penempatan Felda dan juga komuniti rumah panjang di Ulu Bailingian, Kanowit, Mukah, Bakun dan Sungai Asap. Sehingga kini, program ini telah disertai oleh hampir 70,000 peserta.

- "SC dan Ketua Masyarakat" ("*SC with Community Leaders*"); yang mana SC mengadakan sesi taklimat khusus kepada ketua-ketua masyarakat bagi melatih mereka menjadi sumber rujukan maklumat masyarakat setempat. Pada tahun 2016, pihak SC telah mengadakan tiga sesi taklimat yang melibatkan 470 ketua kampung dan penghulu di daerah Miri, Sibu dan Kuantan.

ii) Ceramah atau seminar dan pameran *InvestSmart*, seperti berikut :

- *InvestSmart Day*; yang diadakan di bandar-bandar di luar Kuala Lumpur, seperti di Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kuching bertujuan memberi peluang kepada masyarakat sekitar untuk menambah pengetahuan dalam pasaran modal;

- *InvestSmart Kiosk*; yang mana pegawai SC akan membuka kaunter di tempat-tempat awam bagi tujuan perkongsian maklumat dengan masyarakat;
- Penglibatan *InvestSmart* di dalam program-program rakan strategik seperti Minggu Saham Amanah Permodalan Nasional Berhad dan Karnival Kewangan BNM yang telah diadakan di beberapa bandar di luar Kuala Lumpur; dan
- *InvestSmart Fest*; yang merupakan acara tahunan yang diadakan semenjak 2014.

iii) Perkongsian maklumat melalui risalah, aktikel-artikel, iklan, video dan wawancara di media cetak seperti suratkhobar dan majalah; serta melalui media elektronik seperti di Radio Televisyen Malaysia (RTM), TV3, ASTRO dan radio BFM (*The Business Radio Station*).

iv) Perkongsian maklumat melalui media digital seperti laman sesawang, *Facebook* dan aplikasi mudah alih *InvestSmart App*.